

Kesedaran Generasi Muda Terhadap Patriotisme dan Perpaduan Nasional di Malaysia

AZIZ UJANG, JAMALUDDIN MD. JAHI, KADIR ARIFIN & KADARUDDIN AIYUB

ABSTRAK

Tahap kesedaran generasi muda masa kini terhadap patriotisme dan perpaduan nasional di Malaysia dikatakan semakin kurang dan terhakis. Dalam kajian dibuat, 500 sampel telah diambil dari 8 negeri mengikut zon iaitu Utara, Timur, Tengah, Selatan dan Zon Sabah dan Sarawak. Sampel kajian adalah 44% lelaki dan 56% perempuan yang kesemuanya adalah pelajar dari IPTA dan IPTS yang memberi impak yang besar kepada keluarga dan rakan sebaya. Faktor utama yang memberi kesan ialah keselamatan, ekonomi, tahap umur dan tahap pendidikan serta persekitaran dalam memberi penilaian tahap patriotisme. Hasil kajian menunjukkan terdapat empat faktor utama yang menyumbang kepada tahap perpaduan dan patriotism iaitu keselamatan, ekonomi, umur dan pendidikan. Patriotisme dan perpaduan adalah dua perkara yang amat penting yang saling kait-mengait di antara satu dengan yang lain yang membina sebuah negara yang maju, harmoni dan aman. Kajian ini telah berjaya membangunkan satu Model 3P (Patriotisme, Perpaduan, Pembangunan) untuk menilai kesedaran generasi muda terhadap patriotisme dan perpaduan nasional.

Kata kunci: patriotisme, perpaduan nasional, generasi muda

ABSTRACT

It has been claimed that the level of consciousness towards patriotism and national unity among young generation is getting slacken and diminished. Thus, the study is conducted with 500 samples were taken from 8 different states, divided into several zones i.e. North, South, East and Central, and East Malaysia Zone. The samples which are 44% male and 56% female are all students of higher learning institutions, who would have big influences on surrounding community. The findings of the study demonstrate that the patriotism and national unity consciousness among young generations are at disquieting level. There are four major factors that contribute to the patriotism and national unity which are security, economy, age, and education that forged the attitude of young generations themselves. In fact, patriotism and national unity are two significant elements which are interconnected with each other in establishing a harmonious thriving country. In addition, PUD Model (Patriotism, Unity, Development) is developed in the study.

Key words: patriotism, national unity, young generation

PENGENALAN

Kesatuan dalam kepelbagaiannya merupakan aset bagi Malaysia yang masyarakatnya berbilang bangsa, kaum dan agama bagi meneruskan agenda pembangunan negara maju, harmoni dan aman. Asas ini didukung oleh perpaduan dan patriotisme rakyat terutamanya bagi generasi muda. Walau bagaimanapun, semangat patriotisme dan kekuatan perpaduan nasional di kalangan generasi muda di Malaysia terutamanya generasi pasca Dasar Ekonomi Baru (DEB) digambarkan semakin merosot dan terhakis. Situasi ini boleh memberi kesan negatif terhadap usaha negara mengekalkan keamanan dan keharmonian dalam sebuah negara maju seperti mana dirancang. Generasi muda yang wujud pada hari ini adalah hasil atau produk yang dilahirkan oleh pembentukan dan pelaksanaan dasar yang dijalankan

oleh pemimpin terdahulu. Menurut Azizan Bahari et al. (2004), semangat patriotisme dalam kalangan golongan muda pada hari ini mulai luntur disebabkan oleh faktor seperti pengaruh budaya global yang lebih cepat menarik minat golongan muda berbanding isu-isu kenegaraan. Begitu juga kajian yang dibuat oleh Crabtree (1999) yang menjalankan kajian patriotisme generasi muda di Amerika Syarikat mendapati bahawa 40% sahaja generasi muda yang berusia 18 hingga 29 tahun mempunyai semangat patriotisme yang tinggi berbanding 60% dari responden menunjukkan semangat patriotisme semakin terhakis dan berkurang.

Pengaruh persekitaran dan keperluan semasa generasi muda juga akan memberi kesan kepada tahap kesedaran mereka terhadap patriotisme dan perpaduan. Jika jiwa mereka kosong dan segala keperluan hidup mereka tidak sempurna dan dipenuhi

akan membuatkan golongan muda ini kurang berminat terhadap kepentingan negara. Pengaruh global misalnya melalui media, ict membuat mereka mudah terpedaya. Gaya hidup dan keperluan hidup akan diberi keutamaan sebelum mereka menumpukan perhatian kepada urusan lain termasuk hal kenegaraan khususnya patriotik dan perpaduan.

Terdapat banyak pendapat yang mengatakan bahawa semangat patriotisme dan perpaduan nasional generasi muda di Malaysia kini semakin merosot. Kurangnya kesedaran tersebut akan memberi kesan atau impak yang amat tinggi terhadap sesebuah negara. Generasi muda tersebut yang terdapat dalam pelbagai kaum juga memandang remeh mengenai perpaduan walaupun ianya telah terbukti memberi kejayaan mengekalkan keamanan negara sehingga ke hari ini. Tidak boleh dinafikan bahawa patriotisme dan perpaduan tidak boleh dipisahkan di mana ianya saling kait-mengait.

Patriotisme

Patriotisme diistilahkan sebagai perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air (*Kamus Dewan* 1989: 917). Perkataan patriotisme berasal daripada bahasa Greek iaitu *patriotes* (bermaksud rakan senegara) dan *patrice* (daripada perkataan *pater* (father) yang bermaksud tanah air atau negara) (Saifuddin Abdullah 2005: 84). Mengikut *The Concise Oxford Dictionary* (1995: 1002), patriotisme berasal dari perkataan atau istilah *patriota* dan bahasa Latin, *patriote* dalam bahasa Perancis dan *patriotes* dalam bahasa Greek yang merujuk kepada seseorang yang mempunyai perasaan cinta, sentiasa menyokong dan mempertahankan negara sendiri secara berterusan dan berpanjangan. Sementara *isme* pula merujuk kepada semangat, fahaman ataupun perasaan. Gandingan kedua-dua perkataan tadi melahirkan perkataan baru dalam bahasa Inggeris lalu diserap ke dalam bahasa Melayu dan mengekalkan penyerapan istilah berkenaan. Orang yang memperjuang dan mempertahankan kebebasan atau tanahair atau pembela negara dalam konsep ini digelar sebagai patriot. Patriot pula merupakan tindakan atau perlakuan patriotisme yang diperjuangkan oleh patriot. Seseorang patriot mempunyai rasa kasih dan sayang yang istimewa terhadap negaranya, prihatin terhadap kemajuan negara dan sanggup berkorban demi kebaikan negara (Nathanson 2007).

Dalam konteks masa kini, patriotisme boleh difafsirkan sebagai sikap, semangat dan tindak-tanduk yang menjurus kepada gagasan dan usaha

mengawal kepentingan, maruah dan kedaulatan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang kehidupan seperti ekonomi, politik, sosial, hubungan antarabangsa, kedaulatan, kebudayaan, agama, keselamatan, undang-undang dan sebagainya.

Menurut *Kamus Dewan* edisi keempat, nasionalisme boleh ditakrifkan sebagai perasaan cinta pada negara dan bangsa sendiri atau pergerakan membebaskan negara atau ekonomi daripada cengkaman kuasa asing. Dalam mentafsirkan definisi nasionalisme, terdapat pelbagai pandangan para pengkaji mengenai pengertian sebenar yang merujuk kepada nasionalisme ini. Emile dan Lenin masing-masing menyatakan bahawa nasionalisme adalah solidariti antarabangsa berbentuk nasionalisme yang matang, manakala penulis-penulis lain mendakwa nasionalisme ialah satu keadaan yang mencetuskan pergerakan politik sama ada politik kanan mahupun yang bersifat kiri. Misalnya, Minoque menyifatkan nasionalisme sebagai ‘satu aliran idea-idea atau satu bentuk tindakan sendiri yang mengandungi sejenis perasaan politik yang tertentu dan boleh dialirkan daripada segolongan elit kepada orang kebanyakan’. Huszer dan Stevenson dalam Badri Yatim (1985) pula menyebut nasionalisme menjadi mekanisme penting bagi menentukan bangsa mempunyai rasa cinta secara alami kepada tanahairnya.

Negara Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum dan etnik mempunyai sistem politik yang bebeza dengan negara-negara lain. Sistem pentadbiran dan pemerintahannya adalah berdasarkan parti politik yang memerintah. Politik amat seiring dengan keselamatan, keamanan dan keharmonian selain dari kuasa dan pengaruh. Lasswell (1948), mentakrifkan politik sebagai siapa dapat apa, bila dan bagaimana dalam pengagihan kuasa politik menjamin keselamatan dapat diteruskan. Bagi Malaysia, pembangunan ekonomi, kestabilan politik dan juga keharmonian penduduknya yang terdiri dari pelbagai kaum adalah ciri-ciri utama untuk kelangsungan hidup negara dan masyarakat. Semangat patriotik yang kukuh akan melahirkan semangat perpaduan yang tinggi di mana ianya saling memerlukan bagi melahirkan sebuah negara yang aman yang mampu memacu pembangunan negara.

TUJUAN KAJIAN


Berdasarkan senario yang terdapat dalam Malaysia berkaitan patriotisme dan perpaduan nasional dalam kalangan generasi muda yang dikatakan telah

merosot, kajian ini cuba membuktikan perkara tersebut berdasarkan faktor ekonomi, pendidikan, tahap umur serta tahap keselamatan negara.

KAWASAN DAN METOD KAJIAN

Kajian ini telah dilakukan dengan menggunakan kedua-dua pendekatan, kuantitatif dan kualitatif bagi mencapai objektif kajian. Melalui pendekatan kuantitatif, kaedah tinjauan dilakukan dengan menggunakan soal selidik. Seramai 500 responden dipilih daripada 1020 peserta bengkel patriotisme yang dijalankan di lapan buah negeri seluruh negara mengikut lima zon iaitu Zon Utara (Pualau Pinang), Zon Pantai Timur terdiri dari negeri Pahang dan Terengganu, Zon Tengah terdiri dari Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan, Zon Selatan Negeri Melaka dan Zon Sabah dan Sarawak. Responden adalah terdiri daripada generasi muda Melayu dan Bumiputera berumur daripada 18 tahun hingga 30 tahun yang merupakan pelajar IPTA & IPTS. Mereka ini sesuai dijadikan responden kerana telah disaring dan telah terpilih melepas syarat-syarat memasuki ke institusi pengajian tinggi. Selain dari itu, responden tersebut merupakan golongan terpilih yang boleh menjadi ‘role model’ kepada rakan sekampung dan ahli keluarga serta mudah mempengaruhi ahli keluarga dan rakan sebaya seterusnya akan memberi impak kepada pembangunan, keharmonian dan keamanan negara. Responden juga merupakan golongan penyampai maklumat, mudah mempengaruhi sama ada negatif atau positif di dalam rumah, jiran dan masyarakat persekitaran. Selain dari itu, majoriti responden bakal menjadi pemimpin di pelbagai peringkat pada masa hadapan. Justeru responden yang terpilih ini merupakan golongan generasi muda yang akan melahirkan dan membentuk satu generasi yang menggambarkan keadaan sebenar negara kita di masa akan datang. Rajah 1 menunjukkan rekabentuk sampel dan secara menyeluruh kaedah persampelan dibuat. Di samping itu, kajian ini diperkuahkan lagi dengan kaedah temubual mendalam terhadap empat informan di kalangan pemimpin terpilih yang mewakili generasi muda negara dan terlibat dalam pembinaan dasar dan polisi perpaduan dan patriotisme. Data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis dengan kaedah regresi logistik bagi mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kesedaran patriotisme dan perpaduan.


Berdasarkan umur responden yang terlibat dalam kajian ini seramai 230 orang atau 46 peratus dari kalangan pelajar kolej dan tingkatan enam yang berumur 18 – 19 tahun, pelajar universiti yang berumur 20 – 24 tahun berjumlah 260 orang atau 52 peratus dan baki 2 peratus atau 10 orang responden berumur antara 25 – 29 tahun.



Rajah 1. Rekabentuk sampel

Dua kelompok umur ini penting kerana di sekolah atau kolej subjek sejarah merupakan subjek wajib untuk calon PMR dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Berbeza dengan universiti, subjek sejarah tidak lagi menjadi subjek wajib. Perbezaan tersebut dapat membantu pengkaji untuk membuat rumusan tahap patriotik pelajar yang berada di sekolah dengan universiti. Rajah 2 menunjukkan profil umur responden.

Setelah tahap kesedaran generasi muda diukur, kajian ini akan mencadangkan satu model untuk meramalkan sejauhmana tahap kesedaran golongan generasi muda terhadap patriotisme dan perpaduan nasional. Pembentukan model ini akan menggunakan kaedah regresi logistik. Data yang diperolehi digunakan untuk mengukuhkan penyataan berkaitan kesedaran generasi muda terhadap patriotisme dan perpaduan nasional. Pengumpulan data sekunder juga dilakukan melalui rujukan data yang diterbitkan bagi membantu pengkaji mendapatkan maklumat awal berkaitan senario tren golongan generasi muda terhadap maklumat awal berkaitan semangat jati diri dan kasih sayang kepada negara.



Rajah 2. Profil umur responden

Penyelidikan yang bersifat menyeluruhan memerlukan kaedah pengumpulan data dan maklumat yang sistematis agar hasil kajian akan menjadi mantap dan jitu. Pegumpulan data dan maklumat melibatkan data primer dan data sekunder. Jadual 1 menunjukkan teknik pegumpulan data kajian yang melibatkan tinjauan lapangan, temubual dan pengedaran borang kaji selidik. Data yang dikumpul di analisis dan dipersembahkan melalui kaedah jadual dan rajah bagi mengukuhkan lagi hasil bagi menjawab tujuan kajian.

Jadual 1. Teknik pegumpulan data dan maklumat kajian

Teknik pegumpulan data	Pengumpulan maklumat dan data	Memenuhi tujuan
Tinjauan di lapangan	Maklumat berkaitan latar belakang kawasan kajian latar belakang responden	Dapat mengenal pasti pemilihan responden kajian serta keperluan asas kehidupan dalam membentuk tahap kesedaran patriotik dan perpaduan nasional
Temubual	Mendapatkan maklumat berkaitan data primer pandangan golongan pakar terhadap tahap kesedaran generasi muda terhadap patriotik dan perpaduan nasional	Mengenalpasti tahap kesedaran dan pengertianan generasi muda terhadap aspek patriotik serta Gagasan 1 Malaysia melalui pandangan pakar bagi memperkuat hasil kajian.
Borang Kaji selidik	Mendapatkan data berkaitan kesedaran patriotik dan perpaduan nasional berdasarkan kepada komponen ekonomi, pendidikan, umur dan keselamatan	Memenuhi keperluan tujuan kesedaran generasi muda terhadap semangat patriotik dan perpaduan nasional di Malaysia berdasarkan faktor ekonomi, pendidikan, umur dan tahap keselamatan

HASIL KAJIAN

Pembolehubah Bersandar dan Pembolehubah Bebas

Pembolehubah bersandar dalam regresi ini adalah dalam bentuk kategorikal atau nominal, iaitu tahap perpaduan tinggi dan tahap perpaduan rendah. Kod 1= tahap perpaduan tinggi dan kod 0= tahap perpaduan rendah. Tahap perpaduan tinggi diperolehi berdasarkan jawapan daripada soal selidik yang telah dijalankan terhadap 500 orang responden yang terdiri daripada golongan muda. Pada permulaan kajian ini dan berdasarkan kajian literatur, sebenarnya lebih

20 pembolehubah telah diambil kira dan setelah analisis faktor dan beberapa ujian statistik dijalankan untuk mengenalpasti pembolehubah yang signifikan di dalam kajian ini di kawasan yang terpilih, terdapat sebilangan pembolehubah telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan faktor. Oleh yang demikian, berdasarkan daripada analisis yang telah dijalankan, 4 pembolehubah tak bersandar telah dipilih sebagai pembolehubah yang dilihat bersesuaian dalam menilai tahap kesedaran golongan muda terhadap perpaduan dan patriotisme seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Mengikut pecahan model yang dibentuk, model perpaduan dan patriotisme diwakili dengan 4 pembolehubah iaitu tahap keselamatan, faktor ekonomi, faktor umur dan faktor pendidikan.

Jadual 2. Statistik diskriptif pembolehubah tak bersandar (bebas)

Pembolehubah Tak bersandar (X_n)	Jumlah Sampel (n)	Purata	Sisihan Piawai (σ)	Min	Maks
Keselamatan	500	19225.6	11160.8	743	51213
Ekonomi	500	8621.3	8732.8	121	44634
Umur	500	2946.1	3185.2	1	13621
Pendidikan	500	2310.5	1914.4	317	10976

Kaedah Regresi Logistik

Dalam sesuatu penyelidikan, fenomena yang berlaku (pembolehubah bersandar) tidak dapat diterangkan dengan hanya melibatkan satu pembolehubah tak bersandar (bebas) sahaja. Misalnya, tahap kesedaran perpaduan tidak dapat diterangkan dengan hanya melihat kepada faktor etnik sahaja, tetapi juga melihat dari segi umur, pendidikan, latar belakang sosial dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi tahap perpaduan. Kita sedia maklum bahawa tidak ada satu pembolehubah tunggal yang dapat membezakan kumpulan manusia atau fenomena dengan sempurna. Penyelidik dapat mencari satu dimensi yang boleh menerangkan sesuatu fenomena dengan lebih baik dengan mengambil beberapa pembolehubah dan menggabungkannya secara matematik.

Oleh yang demikian dalam kajian ini, model bagi mengukur tahap kesedaran perpaduan akan menggunakan kaedah analisis statistik multivariat. Analisis multivariat merupakan sekumpulan teknik statistik untuk menangani hubungan yang melibatkan lebih daripada dua pembolehubah secara serentak. Ada tiga jenis analisis multivariat yang lazim digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan penyelidikan mereka, iaitu regresi, analisis faktor dan

analisis diskriminan. Jika pembolehubah bersandar terdiri daripada satu pembolehubah nominal, seperti pembolehubah dikotomi (misalnya, TAHAP PERPADUAN TINGGI atau TAHAP PERPADUAN RENDAH) atau berkategori, salah satu prosedur yang sesuai adalah analisis regresi logistik. Dalam kajian ini analisis regresi logistik digunakan untuk pembentukan model PERPADUAN dan PATRIOTISME bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran perpaduan dan patriotisme di kalangan golongan muda di kawasan kajian yang terpilih.

Pembentukan serta pengujian model melalui kaedah statistik menggunakan modul SPSS (*Statistical Package For Social Science*) akan digunakan dalam menganalisis data dalam kajian ini.

Regresi Logistik

Regresi logistik adalah salah satu teknik statistik yang digunakan apabila data bagi pembolehubah bersandar adalah bersifat kategorikal atau nominal. Perbezaan regresi logistik dengan regresi linear ialah pembolehubah bersandar dalam regresi logistik merupakan satu fenomena binari dan pembolehubah tidak bersandar merupakan pembolehubah kategori ataupun numerikal. Banyak kajian saintifik telah menggunakan kaedah regresi logistik untuk membuat peramalan, antaranya Mladenoff et al. (1993) telah menggunakan kaedah regresi logistik untuk menganggar jumlah dan penyebaran ruangan bagi habitat serigala putih. Pereira dan Itami (1991) juga turut menggunakan regresi logistik untuk melihat kehadiran tupai merah dengan membuat grid sel sama ada terdapat kehadiran tupai merah di setiap sel atau sebaliknya.

Dalam bidang sains sosial kita tidak dapat mengelak daripada berhadapan dengan pembolehubah yang bersifat nominal khususnya apabila melibatkan pilihan atau dalam membuat keputusan. Sebagai contoh, seorang pengundi ingin membuat keputusan sama ada mahu memilih calon Parti A atau B dalam proses pilihan raya atau sama ada pelanggan ingin membuat keputusan memilih restoran makanan segera kegemarannya dan sebagainya. Dalam setiap contoh yang diberikan, pembuat keputusan hanya boleh memilih alternatif terhad dan selalunya melibatkan dua pilihan sahaja yang boleh dikategorikan sebagai YA atau TIDAK. Ini bermaksud pembolehubah bersandar tersebut hanya boleh mengambil dua nilai, iaitu 1 apabila

sesuatu pilihan dibuat (YA) dan 0 sekiranya pilihan lain dibuat (TIDAK). Apabila kita mempunyai situasi yang sebegini, kita boleh menggunakan regresi logistik untuk melakukan analisis regresi (Zulkarnain & Hishamuddin 2001).

Regresi logistik merupakan satu analisis yang mempunyai satu pembolehubah nominal berbentuk non metrik atau kategori. Analisis ini bertujuan untuk menentukan apakah kebarangkalian faktor-faktor yang berkait dengan pemilihan sesuatu kategori oleh responden atau kes. Model logistik ini diasaskan pada fungsi kebarangkalian logistik kumulatif yang boleh dinyatakan seperti berikut (Pindyck & Rubinfeld 1991) :

$$P_i = F(Z_i) = F(\alpha + \beta X_i) = \frac{1}{1 + e^{-Z_i}} = \frac{1}{1 + e^{-(\alpha + \beta X_i)}}$$

Permodelan model (3P) menggunakan regresi logistik

Rangka konsep kajian ini adalah untuk menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran perpaduan dan patriotisme serta pembentukan model yang dicadangkan. Pemodelan bagi perpaduan dan patriotisme adalah suatu aspek yang dinamik dan kompleks. Oleh itu kajian berhubung perpaduan dan patriotisme serta faktor-faktor yang terlibat di kawasan kajian harus diambil kira. Maklumat tentang perubahan faktor yang berkaitan dengan tahap perpaduan dapat menunjukkan arah dan corak dan tahap perpaduan di kawasan kajian. Tahap kesedaran perpaduan dan patriotisme seorang belia dapat diramalkan daripada petunjuk ini. Rangka konsep yang dicadangkan dalam kajian ini ialah untuk mengintegrasikan keupayaan statistik bagi membentuk satu model perpaduan dan patriotisme.

Dalam kajian ini data dikumpulkan berdasarkan kajian soal selidik yang dijalankan di beberapa tempat di Malaysia. Sampel seramai 500 orang yang terdiri daripada golongan generasi muda telah diambil dan jawapan daripada kertas soal selidik tersebut dianalisis dengan kaedah statistik.

Dalam kes kajian ini, regresi logistik telah digunakan dalam pemodelan tahap perpaduan golongan muda. Pembolehubah bersandar dalam regresi ini adalah *logarithm of the odds* sesuatu kesedaran tahap perpaduan dan patriotisme golongan muda iaitu di wakili dengan TAHAP PERPADUAN. Set data dalam pembolehubah bersandar adalah kod 1 = TAHAP PERPADUAN TINGGI dan kod 0 = TAHAP PERPADUAN RENDAH. Kaedah yang

digunakan dalam analisis ini adalah kaedah ENTER. Prosedur ini memasukkan semua pembolehubah peramal ke dalam persamaan regresi logistik tanpa mengambilkira sama ada pembolehubah-pembolehubah peramal tersebut memberi sumbangan yang signifikan kepada persamaan regresi logistik. Dalam hal ini kajian ini hanya ingin melihat apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tahap perpaduan golongan muda terhadap patriotisme negara dengan menggunakan data daripada sampel yang telah diambil dan melihat sejauhmana faktor ini dapat digunakan untuk kajian polisi yang lain dengan menggunakan data yang telah diambil di lapangan.

Pembentukan Model Perpaduan, Patriotisme dan Pembangunan (3P)

Berdasarkan daripada model-model yang dinyatakan terdapat 4 faktor iaitu faktor keselamatan, faktor ekonomi, faktor umur dan faktor pendidikan telah dikenalpasti mempengaruhi tahap kesedaran terhadap perpaduan dan patriotisme dalam kalangan golongan muda. Hasil analisis yang terdiri daripada 4 pembolehubah ini akan diterangkan secara lanjut hubungannya dengan tahap kesedaran perpaduan daripada golongan muda.

Pembentukan Model Menggunakan Regresi Logistik

Pemodelan perpaduan ini terdiri daripada faktor keselamatan, faktor ekonomi, faktor umur dan faktor pendidikan. Model Perpaduan yang akan dibangunkan bertujuan untuk melihat peranan faktor-faktor yang dinyatakan dalam mengukur tahap kesedaran perpaduan dan patriotisme di kalangan generasi muda di negara ini.

Formula asas model

Bentuk asas model ditunjukkan seperti di bawah :
Model 3P = Perpaduan Patriotisme Pembangunan :

$P : K_1, E_2, U_3, P_4$
iaitu,

P = Perpaduan Patriotisme Pembangunan
 K_1 = Keselamatan
 E_2 = Ekonomi
 U_3 = Umur
 P_4 = Pendidikan

Hasil Analisis Regresi Logistik Terhadap Patriotisme Dan Perpaduan Nasional

Berdasarkan sampel data yang telah dikumpul berdasarkan satu kajian soal selidik, hasil analisis regresi yang telah dijalankan dan satu model logistik telah dibangunkan. Model yang dibentuk merupakan model analisis logistik yang telah dijalankan untuk melihat sejauhmana tahap kesedaran generasi muda terhadap patriotisme dan perpaduan nasional dengan mengukur kekuatan faktor penyumbang secara statistikal. Hasilan setiap faktor penyumbang kepada pembangunan model akan diterangkan bagi melihat faktor mana yang mempengaruhi kepada tahap patriotisme dan tahap perpaduan generasi muda di negara kita berdasarkan kepada sampel yang telah diambil.

Model patriotisme dan perpaduan yang dijalankan ini terdiri daripada satu pembolehubah bersandar dan tiga pembolehubah tak bersandar. Pembolehubah bersandar adalah tahap kesedaran generasi muda terhadap patriotisme dan perpaduan nasional dan pembolehubah tak bersandar terdiri daripada harapan 1 iaitu KESELAMATAN, harapan 2 iaitu EKONOMI, harapan 3 iaitu UMUR dan harapan 4 diwakili dengan PENDIDIKAN. Ringkasan keputusan analisis regresi logistik ditunjukkan seperti dalam Jadual 3 sehingga 5 dan Rajah 3 bagi output logistik model perpaduan.

Jadual 3. Ringkasan output analisis logistik Model 3P

Omnibus Test Model of Coefficients			
	Chi-square	df	Sig.
Step 1 Step	188.102	5	.000
Block	188.102	5	.000
Model	188.102	5	.000

Model Summary		
-2 Log likelihood	Cox & Snell R Square	Nagelkerke R Square
502.731	0.314	0.419

Hosmer and Lemeshow Goodness of Fit Test		
Chi-square	df	Sig.
80.151	4	.135

Berdasarkan pada Jadual 3, ringkasan model menunjukkan nilai $-2 \text{ Log Likelihood}$ adalah 502.731. Output regresi logistik menunjukkan selisih di antara $-2 \text{ Log Likelihood}$ adalah sebesar 188.102 dan nilai ini adalah signifikan secara statistik. Manakala nilai Kuasa Dua R Cox dan Snell (*Cox & Snell R Square*) adalah bersamaan 0.314. Nilai Kuasa Dua R Cox dan Snell (*Cox & Snell R Square*) merupakan ukuran yang menyerupai ukuran R^2 dalam regresi pelbagai yang berdasarkan pada teknik penganggaran kebolehjadian (*likelihood*) dengan

nilai maksimum kurang dari 1. Nilai Kuasa Dua R Nagelkerke (*Nagelkerke R Square*) pula adalah bersamaan 0.419. Nilai ini menunjukkan bahawa variabiliti pembolehubah bersandar yang dapat dijelaskan oleh variabiliti pembolehubah tak bersandar adalah sebesar 41.9%. Nilai Kuasa Dua R Nagelkerke (*Nagelkerke R Square*) merupakan pengubahsuai dari koefisien Cox dan Snell untuk memastikan bahawa nilainya mempunyai julat dari 0 sehingga 1. Berdasarkan kepada output regresi logistik seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, nilai *Statistic Hosmer and Lemeshow Goodness of Fit Test* adalah sebesar 80.151 dengan probabiliti signifikan 0.135 yang nilainya jauh di atas 0.05. Ini menunjukkan bahawa model ini dapat diterima untuk tujuan peramalan.

Jadual 4. Keputusan regresi logistik Model PERPADUAN dan PATRIOTISME

Variables	B	S.E.	Wald	df	Sig.	Exp(B)
KESELAMATAN	-2.049	.287	50.840	1	.000	0.129
EKONOMI	-1.001	.303	10.906	1	.001	0.368
UMUR	0.647	1.474	0.193	1	.661	1.910
PENDIDIKAN	0.023	.240	0.009	1	.924	1.023
Constant	1.514	1.472	1.058	1	.304	4.543

Berdasarkan kepada Jadual 4, keputusan regresi logistik bagi Model PERPADUAN dan PATRIOTISME menunjukkan bahawa pembolehubah KESELAMATAN merupakan pembolehubah yang mempunyai tahap kepentingan yang tertinggi dengan nilai $B=-2.049$. Manakala nilai $Exp(B)$ adalah bersamaan 0.129. Nilai 0.129 ini menunjukkan bahawa jika ANCAMAN KESELAMATAN berkurangan, kebarangkalian (*odd*) bagi tahap PERPADUAN dan PATRIOTISME akan meningkat $0.129 \times (p/q)$. Selain itu, tanda algebra di hadapan pekali pembolehubah ini adalah negatif (-2.049) yang bererti hubungan di antara PERPADUAN dan PATRIOTISME adalah berkadar songsang iaitu jika ANCAMAN KESELAMATAN berkurangan maka probabiliti PERPADUAN akan meningkat. Manakala pembolehubah EKONOMI mempunyai nilai $B=-1.001$ dengan nilai $Exp(B)=0.368$. Ini bererti bahawa hubungan di antara PERPADUAN adalah berkadar langsung dengan EKONOMI iaitu probabiliti PERPADUAN dan PATRIOTISME akan bertambah jika EKONOMI bertambah. Perkara ini juga ditunjukkan oleh pembolehubah UMUR iaitu nilai B adalah positif =0.647 dengan nilai $Exp(B)=1.910$. Ini bererti bahawa hubungan di antara kedua pembolehubah adalah turut berkadar langsung iaitu jika UMUR bertambah, maka


probabiliti PERPADUAN dan PATRIOTISME juga akan turut bertambah. Manakala pembolehubah PENDIDIKAN juga turut mempunyai nilai positif iaitu nilai $B=0.023$ dan nilai $Exp(B)=1.023$. Ini juga bermakna bahawa hubungan di antara PENDIDIKAN, PERPADUAN dan PATRIOTISME adalah berkadar langsung iaitu jika PENDIDIKAN meningkat maka tahap PERPADUAN juga akan turut meningkat. Begitu juga sebaliknya.

Jadual 5 pula menunjukkan prestasi model ini dari sudut ramalan pengkelasan. Berdasarkan kepada Jadual 4, model yang dibangunkan telah meramalkan secara betul kebarangkalian tahap PERPADUAN sebanyak 86.9% dan bagi kurang kesedaran PERPADUAN adalah sebanyak 66.5% manakala 77.4% bagi peratus adalah Model PERPADUAN secara keseluruhan.

Jadual 5. Ringkasan ramalan model

Observed	Predicted		Percentage Correct
	PERPADUAN	0	
Perpaduan	1	232	86.9
0	78	155	66.5
Overall Percentage			77.4

Berdasarkan Rajah 3 pula, plot klasifikasi menunjukkan keputusan kurang kesedaran PERPADUAN diplotkan dengan baik di bahagian tepi sebelah kiri dan tengah yang menunjukkan nilai 0 telah diramalkan secara betul. Sementara itu bagi keputusan tahap PERPADUAN, plot klasifikasi tertumpu di bahagian sebelah tengah dan kanan yang menghampiri nilai 1. Secara umumnya, plot klasifikasi ini telah menunjukkan bahawa tahap PERPADUAN telah dikelaskan dengan baik.



Rajah 3. Plot klasifikasi bagi probabiliti tahap PERPADUAN

PERBINCANGAN HASIL MODEL 3P

Dalam kajian ini, pemodelan telah menggunakan regresi logistik yang terbahagi kepada satu

pembolehubah bersandar dan empat pembolehubah bebas dalam membangunkan model. Analisis regresi logistik dijalankan untuk melihat sejauhmana tahap perpaduan dan kesedaran generasi muda kepada patriotisme negara. Berdasarkan keputusan hasilan analisis regresi logistik bagi model PERPADUAN, terdapat empat pembolehubah bersandar yang menyumbang kepada pemodelan. Nilai pemalar dan pekali bagi setiap pembolehubah tak bersandar telah ditunjukkan seperti dalam persamaan di bawah:

$$Ln \left(\frac{y}{I-y} \right) = 1.514 - 2.049 x_1 - 1.001 x_2 + 0.6473 x_3 + 0.023 x_4 \dots \dots \dots (1)$$

iaitu,

X_1 = KESELAMATAN
 X_2 = EKONOMI
 X_3 = UMUR
 X_4 = PENDIDIKAN

Berdasarkan pembentukan model ini, empat pembolehubah telah dikenalpasti yang telah menyumbang kepada pembentukan model iaitu pembolehubah KESELAMATAN, EKONOMI, UMUR dan PENDIDIKAN. Empat pembolehubah ini dianggap paling signifikan di dalam mempengaruhi tahap perpaduan dan kesedaran generasi muda kepada patriotisme negara berdasarkan sampel yang telah diambil. Walau bagaimanapun jika pemodelan lain dan analisis statistik yang berbeza digunakan kemungkinan pembolehubah yang terpilih juga akan turut berbeza.

Analisis dan pemodelan menggunakan kaedah logistik yang telah dilakukan ini telah membuktikan dan menguatkan hujahan bahawa tahap perpaduan generasi muda di Malaysia di pengaruhi oleh EMPAT faktor UTAMA seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Kelebihan pemodelan ini terletak kepada pembuktian secara statistik dengan penggunaan beberapa pembolehubah UTAMA yang telah dipilih daripada yang terpilih terutama pembolehubah yang sangat sinonim dengan generasi muda sekarang. Sumbangan faktor keselamatan, ekonomi, umur dan tahap pendidikan merupakan satu penemuan baru dalam kajian ini. Melalui analisis statistikal seperti analisis regresi logistik di sini dapat dibuktikan bahawa faktor-faktor ini sangat penting dalam mengukur tahap kesedaran perpaduan dan patriotisme generasi muda di negara kita pada hari ini.

Jika dibandingkan dengan kajian-kajian dan model yang lain di Malaysia, maka boleh dirumuskan bahawa model dan analisis statistikal seperti ini belum pernah digunakan oleh pengkaji di Malaysia dalam mengukur tahap perpaduan golongan muda

di negara kita. Tahap kepentingan pembolehubah kebanyakannya ditentukan oleh ahli akademik atau pakar motivasi mahupun ahli politik yang mengkaji tingkah laku orang muda sedangkan faktor-faktor ini adalah berbeza-beza dari segi analisis dan kaedah kajian yang digunakan. Tambahan pula model ini lebih berbentuk statistik dan objektif berbanding pengadilan oleh pakar generasi muda mahupun ahli akademik yang lain kerana ia berdasarkan pembolehubah yang dikenalpasti dan diterima pakai oleh ramai pengkaji dan telah disesuaikan di Malaysia.

Rangka konsep dalam kajian ini adalah pengembangan teori perpaduan. Ada empat perlakuan utama yang dilihat dalam rangka konsep kajian ini iaitu faktor keselamatan, ekonomi, umur dan pendidikan dalam membentuk model perpaduan dan patriotisme. Langkah-langkah operasional seperti yang telah diterangkan dalam metodologi kajian diperlukan bagi membentuk model perpaduan dan patriotisme.

Kaedah analisis regresi logistik diperlukan untuk membuat dan mengolah data sampel bagi mendapatkan faktor-faktor yang menyumbang kepada perpaduan dan patriotisme. Data yang dimaksudkan adalah data untuk 4 pembolehubah tak bersandar yang telah ditetapkan dalam metodologi kajian. Selanjutnya data-data ini diolah dengan menggunakan kaedah regresi logistik dalam modul SPSS untuk menghasilkan model perpaduan dan patriotisme.

Penilaian Terhadap Faktor-Faktor Yang Signifikan Terhadap Patriotisme Dan Perpaduan Nasional

Berdasarkan daripada hasil perbincangan dan analisis yang telah dilakukan, dapat dilihat bahawa faktor-faktor keselamatan, ekonomi, umur dan pendidikan merupakan faktor yang signifikan terhadap patriotisme dan perpaduan nasional.

KESIMPULAN

Kajian ini berjaya membuktikan bahawa tahap kesedaran generasi muda terhadap aspek patriotisme adalah rendah, iaitu 66.5 peratus (Jadual 5). Ini merupakan tahap yang agak membimbangkan kerana ia telah melebihi 50 peratus iaitu jika digambarkan dengan analogi mudah, jika kita ada 10 orang golongan muda, boleh dikatakan hampir 6 orang mempunyai tahap kesedaran perpaduan dan

patriotisme yang rendah di kalangan generasi muda kita. Satu model telah dibangunkan dan telah dinamakan sebagai Model 3P iaitu Perpaduan, Patriotisme dan Pembangunan yang merupakan satu jalan penyelesaian bagaimana tahap kesedaran perpaduan dan patriotisme di kalangan generasi muda dapat diatasi dengan cadangan khusus penekanan kepada faktor-faktor penting hasil dari analisis dalam kajian ini.

Dalam pembangunan model, analisis regresi logistik telah digunakan. Dalam analisis yang dijalankan, setiap faktor yang digunakan telah memberikan tahap kepentingan yang berbeza dari segi kesan dan pengaruhnya terhadap perpaduan dan patriotisme di kalangan generasi muda di negara kita. Berdasarkan model yang telah dibincangkan, perbandingan secara statistik telah menunjukkan bahawa model yang dibangunkan ini merupakan model yang terbaik dalam meramalkan tahap perpaduan generasi muda dengan peratusan peramalan tertinggi iaitu sebanyak 77.4% (Sila rujuk Jadual 5). Faktor yang menyumbang kepada pembentukan model terdiri daripada empat faktor utama iaitu keselamatan, ekonomi, umur dan pendidikan dengan tahap signifikan di bawah 0.05. Kesimpulannya, kesedaran generasi muda terhadap patriotism dan perpaduan nasional di Malaysia adalah disebabkan empat faktor iaitu KESELAMATAN, EKONOMI, UMUR dan PENDIDIKAN yang melahirkan sikap generasi muda itu sendiri terhadap tahap kesedaran patriotism dan perpaduan nasional.

RUJUKAN

- Azizan Bahari, Abdul Rahman Aziz & Azimi Hamzah. 2004. *Generasi Muda Menangani Cabaran*. Alor Star: Yayasan Dr. Rodzi.
- Badri Yatim. 1985. Soekarno, Islam dan Nasionalisme: Rekonstruksi Islam – Nasionalis, Indonesia: Penerbit Inti Sarana Akara.
- Crabtree, A. 1999. American are widely patriotic, but many think founding father would frown on modern America. Gallup Poll News Service.
- Dasar Pembangunan Belia Negara*, <http://www.kbs.gov.my> (2 Julai 2013).
- Kamus Dewan*. 1989. Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lasswell, H.D. 1948. *An Analysis of Political Behavior: An Empirical Approach*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Mladenoff, D.J., Whie, M.A., Pastor, J. & Crow, T.R. 1993. Comparing spatial pattern in unaltered old-growth and disturbed forest landscapes. *Ecological Applications* 3: 294-306.
- Nathanson, S. 2007. Is cosmopolitan anti-patriotism a virtue? Dlm. Primoratz, I. & Parkovic, A. (eds.). *Patriotism: Philosophical and Political Perspective*. Hampshire: Ashgate Publishing Company.
- Pereira J.& Itami, R.M. 1991. GIS – based habitat modeling using logistic multiple regression: A study of the Mt. Graham red squirrel. *Photogrammetric Engineering and Remote Sensing* 57(11): 1475-1486.
- Pindyck, R.S & Rubinfeld, D.L. 1991. *Econometric Models and Economic Forecasts*. New York: McGraw-Hill.
- Saifuddin Abdullah. 2005. Patriotisme alaf baru: Dari semangat kepada khidmat. Dlm. Hussain Mohamad (pnyt.). *Belia dan Patriotisme Malaysia*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- The Concise Oxford Dictionary*. 1995. Ninth Edition, Oxford University Press, United States of America, hlm 1002.
- ‘What is CYP?’<<http://www.thecommonwealth.org>> (2 Julai 2013).
- Zulkarnain Zakaria & Hishamuddin Md. Som. 2001. *Analisis Data Menggunakan SPSS WINDOWS*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Aziz Ujang, M.Env.Mgmt.

Pelajar Ph.D.

Institut Alam dan Tamadun Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: azizujangmlka@yahoo.com

Jamaluddin Md. Jahi, Ph.D.

Felo Utama

Institut Alam dan Tamadun Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: jamalmj1949@gmail.com

Kadir Arifin, Ph.D.

Profesor Madya

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: kadir@ukm.edu.my

Kadaruddin Aiyub, Ph.D.

Profesor Madya

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: kada@ukm.edu.my

